


LAPORAN TAHUNAN 2024

**PUSAT PENGURUSAN
STRATEGI & KUALITI
(SQM)**





2024

Laporan Tahunan

Pusat Pengurusan
Strategi & Kualiti
(SQM)

Cetakan Pertama 2025

© Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Hak cipta terpelihara, Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Diterbitkan oleh:
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) Aras 3,
Canselori Tuanku Syed Sirajuddin Kampus Alam UniMAP,
Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis.

Laman web: www.sqm.edu.my
Email: sqm@unimap.edu.my

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli

KETUA EDITOR

Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail

PENOLONG KETUA EDITOR

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi
Prof. Madya Ts. Dr. Tan Chye Lih

EDITOR

Pn. Isma Irini Shafie
Pn. Rozila Romali
En. Rhafizuan Rusli
En. Muhammad Hidham Haris
Pn. Azfa Ahmad
Pn. Azimah Aziz @ Azaib
En. Mohamad Hasani Kamis
Pn. Suhana Shaari

PEREKA GRAFIK & FOTOGRAFI

En. Muhammad Hidham Haris
En. Mohamad Hasani Kamis
En. Hasmizul Hashim





ISI KANDUNGAN

PROFIL KORPORAT

Perutusan Pengarah Kanan SQM	4
Visi, Misi	5
Piagam Pelanggan	6
Latar Belakang	7
SQM	7
Bahagian Pengurusan Strategik & Risiko	8
Bahagian Kualiti & Akreditasi	9
Carta Organisasi	10

RANGKA TINDAKAN SQM

Aktiviti Mesyuarat	13
Anjuran & Penyertaan Bengkel/Kursus	22
Aktiviti Audit Dalam dan Luar	27
Lawatan Penanda Aras	28

LAPORAN KEWANGAN

Belanja Mengurus SQM	39
Projek Penajaan SQM	40

PROFIL KORPORAT SQM



Perutusan Pengarah Kanan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga SQM yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi tinggi sepanjang tahun ini. Laporan Tahunan ini merupakan refleksi terhadap usaha gigih dan pencapaian kita bersama dalam mencapai visi dan misi jabatan, demi menyokong hala tuju UniMAP serta memperkasakan pengurusan kualiti di universiti ini.

Sepanjang tahun 2024 SQM telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif dan program strategik. Kejayaan ini bukan sahaja hasil daripada perancangan yang teliti tetapi juga daripada kerjasama erat di antara semua pihak.

Walaupun SQM berdepan dengan pelbagai cabaran, saya berbangga dengan keupayaan kita dalam mengatasinya dengan profesionalisme dan kreativiti. SQM telah membuktikan bahawa dengan usaha bersepadu, tiada cabaran yang tidak dapat diatasi.

Bagi tahun 2025, SQM akan terus memperkukuhkan prestasi dengan menumpukan perhatian kepada pemantapan Pelan Strategik UniMAP, Pengurusan Risiko, Pengurusan Kualiti dan Akreditasi program akademik. Saya yakin dengan komitmen dan sokongan semua pihak, SQM mampu mencapai lebih banyak kejayaan dan memberikan impak positif kepada pemegang taruh berkaitan.

Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Marilah kita terus bekerja dengan penuh integriti, inovasi, dan profesionalisme demi kecemerlangan bersama.



Khairul Azwan Ismail

Prof Dr Khairul Azwan Ismail
Pengarah Kanan

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Visi & Misi SQM



Visi

Peneraju Pengurusan Strategi dan
Kualiti Universiti

Misi

Memacu dan Memimpin Agenda Universiti
ke Arah Kecemerlangan



Piagam Pelanggan



SQM beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan profesional, efektif dan efisien serta peka terhadap keperluan dan kepuasan pelanggan melalui:

1. Menyediakan sistem pengurusan dan pemantauan strategik dan kualiti yang cekap dan berkesan;
2. Memantau kemajuan pelan tindakan strategik dan kualiti peringkat universiti;
3. Menyediakan laporan pencapaian universiti yang berkaitan pengurusan strategik dan kualiti dalam tempoh masa yang ditetapkan;
4. Memastikan penyebaran maklumat berkaitan pencapaian universiti dilakukan dalam tempoh dua (2) hari selepas maklumat diterima;
5. Menjalankan mesyuarat berkaitan pengurusan strategik dan kualiti mengikut jadual yang ditetapkan;
6. Memberi latihan, perundingan dan melaksanakan audit yang berkaitan dengan pengurusan strategik dan kualiti pada peringkat universiti;
7. Melaksanakan semakan prestasi Teras Strategik Universiti setiap suku tahun;
8. Melaksanakan program pengurusan risiko berpandukan ISO 31000 sebagai kerangka asas kepada pengurusan risiko universiti;
9. Menyelaras, meningkatkan dan membudayakan pengurusan kualiti di semua PTJ UniMAP mengikut ketetapan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015;
10. Memantau dan memastikan pematuhan untuk semua program akademik adalah selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dan/ atau badan akreditasi berkaitan serta ketetapan kualiti dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia;

Latar Belakang

SQM bermula sebagai Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK) yang dibangunkan pada 2009. PUSPEK adalah gabungan dua unit yang telah beroperasi sebelum itu, iaitu Unit Kualiti (ditubuhkan pada 2004) dan Unit Pembangunan Korporat (ditubuhkan pada 2006, dikenali sebagai UNIPEK). Pada April 2020 PUSPEK dijenamakan semula sebagai Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) selaras dengan penstrukturan semula pusat tanggungjawab di UniMAP.

Fungsi SQM ialah seperti berikut:

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan perancangan strategi, dan memantau serta melapor pencapaian pelan strategik UniMAP kepada pengurusan tertinggi universiti.

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan petunjuk prestasi utama yang relevan dengan pelan strategik peringkat nasional, dan berfungsi sebagai rujukan utama universiti berkaitan dengan KPI.

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pemantapan kualiti di UniMAP;

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pengurusan sistem kualiti terutama dalam usaha untuk memperoleh dan mengekalkan persijilan MS ISO dalam skop yang ditetapkan oleh UniMAP; menawarkan program latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan pengurusan kualiti organisasi dalam usaha penjana pendapatan UniMAP.

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksana aktiviti berkaitan dengan akreditasi dan pengiktirafan program pengajian di UniMAP selaras dengan keperluan badan kelayakan tempatan dan/ atau antarabangsa.

Memastikan program yang ditawarkan mencapai dan memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan oleh badan kelayakan tempatan dan/ atau antarabangsa untuk tujuan pengiktirafan dan akreditasi.

Melaksanakan tugas/ projek khusus seperti keperluan dan arahan oleh Naib Canselor UniMAP

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti

Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko

Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko bermula pada 15 April 2020 di SQM. Bahagian ini memainkan peranan dalam membangunkan kerangka perancangan strategik UniMAP, mengukur prestasi utama (KPI) berserta struktur governans, kaedah pelaksanaan dan pemantauan KPI mengikut kaedah yang bersesuaian. Bahagian ini juga ditugaskan untuk memantau projek dan inisiatif untuk pencapaian sasaran KPI bagi UniMAP 2025 dan menilai tahap pencapaian yang disasarkan. KPI peringkat kementerian yang diwajibkan ke atas Universiti diintegrasikan dengan UniMAP 2025 untuk tujuan pelaksanaan, pemantauan dan pengukuran prestasi.

Di samping itu, bahagian ini berperanan untuk mendapatkan data, menganalisis dan membekalkan maklumat kepada Pengurusan Tertinggi Universiti berkaitan prestasi universiti untuk membantu dalam pembuatan keputusan berkaitan perkara-perkara berkaitan sistem penarafan dan pemeringkatan tempatan dan global universiti, contohnya Quacquarelli Symonds (QS), Times Higher Education (THE) dan Clarivate Analytics (CA) dan pangkalan data peringkat kementerian seperti MyMOHES, SETARA dan sebagainya.

Bahagian ini juga perlu memastikan sistem pengurusan risiko berkaitan dengan perancangan strategik universiti dilaksanakan dengan sempurna.

Bahagian Kualiti & Akreditasi

Bahagian Kualiti & Akreditasi, secara amnya, bertanggungjawab menjalankan dua fungsi utama melibatkan skop pengurusan kualiti dan pengurusan akreditasi.

Pengurusan Kualiti di UniMAP bertanggungjawab memastikan standard kualiti dalam semua aspek operasi universiti, termasuk pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan sokongan, dan pentadbiran. Fokus utama bahagian ini adalah untuk memastikan universiti memenuhi piawaian ISO 9001:2015, kawal selia, dan jangkaan pihak berkepentingan (pelajar, kakitangan, industri, dan masyarakat).

Pengurusan Akreditasi menguruskan keperluan akreditasi serta perolehan pengiktirafan daripada badan kelayakan bagi semua program-program akademik yang ditawarkan di universiti. Badan kelayakan adalah terdiri daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Akreditasi Kejuruteraan/ Engineering Accreditation Council (EAC), Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan/ Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal/ Technology & Technical Accreditation Council (TTAC).

Eksekutif SQM



PROF. DR. KHAIRUL AZWAN ISMAIL

Pengarah Kanan
004 9414260
k.azwan@unimap.edu.my



PROF. MADYA IR TS DR. AZWAN ISKANDAR AZMI

Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi
04 9414259
azwaniskandar@unimap.edu.my



PROF. MADYA TS DR. TAN CHYE LIH

Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko
04 9414258
chyelih@unimap.edu.my

CARTA ORGANISASI

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti
(SQM)



Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail
Pengarah Kanan



Azfa Ahmad
Setiausaha Pejabat



Prof. Madya Ts Dr Tan Chye Lih
Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko



Prof. Madya. Ir Ts Dr. Azwan Iskandar Azmi
Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi



Isma Iriani Shafie
Penolong Pendaftar Kanan



Rozila Romali
Penolong Pendaftar kanan



Rhafizuan Rusli
Penolong Pendaftar Kanan



Muhammad Hidham Haris
Penolong Pendaftar



Suhana Shaari
Pembantu Tadbir Operasi



Mohamad Hasani Kamis
Pembantu Tadbir Operasi



Azimah Aziz@Azaib
Pembantu Tadbir Operasi Kanan



Hasmizul Hashim
Pembantu Pejabat


RANGKA TINDAKAN SQM




Rangkuman Rangka Tindakan SQM




Aktiviti Mesyuarat




Kursus/Bengkel



Aktiviti Audit



Lawatan Penanda Aras



AKTIVITI MESYUARAT

24

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
1	Sesi Perbincangan Hala Tuju UniMAP 2026-2030	Membincangkan KPI baharu yang akan dibangunkan dalam Pelan Strategik UniMAP 2026-2030.	27/12/2024
2	Bengkel Formula Pendanaan Baharu (<i>New Funding Formula</i> (NFF)) Fasa Iii - Pendanaan Berasaskan Input Dan Prestasi Universiti Awam (Ua) Tahun 2024	Pengenalan Formula Pendanaan Baharu Universiti Awam, Pengiraan <i>Cost Per Student</i> (CPS) dan Cadangan Penetapan Key Performance Indicator (KPI)	18 & 19/12/2024
3	Mesyuarat Penyelarasan YAB Timbalan Perdana Menteri Bersama Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)	Pembentangan status TVET Termaju & Way Forward oleh UTeM, UTHM, UniMAP, UMPSA, UniKL dan UNISEL	4/12/2024
4	Sesi Perbincangan "Pelan Strategik UniMAP 2026 - 2030" Bersama Ketua Teras & Setiausaha	Mengadakan sesi perbincangan lanjut bagi persiapan dan tindakan sebelum Pelaksanaan Bengkel Pelan Strategik 2026-2030 siri: 1.	2/12/2024
5	Mesyuarat Audit Pematuhan MQA Program Pascasiswazah	Pemakluman keperluan mengadakan penilaian pematuhan akreditasi penuh bagi program-program pascasiswazah.	25/11/2024
6	Diskusi Persediaan Dokumen SAR & Perancangan Penilaian Akreditasi Program Kejuruteraan 2025	Meneliti laporan akhir <i>Self Assessment Review</i> (SAR) program sebagai persediaan sebelum serahan ke pihak Jabatan Akreditasi Kejuruteraan (EAD).	6/11/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
7	Taklimat Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti Bil.1 2024 Kepada Semua Juruaudit, Pemilik Proses, SPSK dan JIPK	Membentangkan jadual perancangan audit dalaman mengikut PTj yang terlibat dengan skop pensijilan MS ISO 9001:2015. Jadual pada tahun 2024 audit secara berfasa iaitu di fakulti dan PTj.	5/11/2024
8	Mesyuarat Jawatankuasa Penarafan Dan Pemingkatan Global Universiti (UGRC) Kali Ke-14 Bil.3/2024 (<i>The Impact Rankings dan Qs Academic & Employer Reputation</i>)	Membentangkan dan membuat pengesahan data <i>THE Impact Rankings 2025</i> dan data <i>QS Academic & Employer Reputation 2025</i> .	25/10/2024
9	Taklimat Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Kepada Lantikan Penyelaras Jaringan Industri & Pengurusan Kualiti (JIPK) Baharu	Perkongsian pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan gerak kerja JIPK bersama SQM	23/10/2024
10	Mesyuarat Kerja Analisis Data dan Pelaporan Inisiatif Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024	Menyelas input-input data program dan inisiatif strategik serta KPI keberhasilan.	21 & 22/10/2024
11	Mesyuarat Dapatan Tahap Kepuasan Pelanggan 2023 Kali Ke-2	Perbincangan berkaitan proses penambahbaikan instrument tahap kepuasan staf dan mahasiswa UniMAP berdasarkan komen responden tahap kepuasan pada tahun 2023.	18/10/2024
12	Diskusi Persediaan Lawatan ETAC - Program Diploma Kejuruteraan	Membincangkan persediaan akhir bagi menghadapi lawatan sebenar penilaian akreditasi penuh ETAC pada 24 & 25 Okt 2024.	17/10/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
13	Penyediaan Laporan <i>The Impact Ranking</i> (TIR) 2025 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Sesi penerangan dan penyediaan laporan <i>THE Impact Ranking</i> oleh pemilik data dari setiap jabatan.	14/10/2024
14	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025 kali ke-17 Bil.4/2024	Membentangkan Laporan pencapaian UniMAP 2025 & pemantauan <i>Dashboard</i> (Suku ketiga (Q3) - 2024).	7/10/2024
15	Perbincangan maklum balas tindakan cabutan minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) 2023 Bil.1 2024	Setiap PTj yang terlibat membentangkan status tindakan yang diambil kepada SQM untuk memastikan keberkesanan tindakan berhasil dan tindakan dapat ditutup.	4/10 & 15/10 & 8/11 /2024
16	Perbincangan laporan pelanjutan sarjana muda kejuruteraan komputer dengan kepujian	Meneliti dokumen akhir laporan pelanjutan program sebagai persediaan sebelum serahan ke pihak Jabatan Akreditasi Kejuruteraan (EAD).	1/10/2024
17	Mesyuarat Majlis Pengurusan Kualiti Universiti Awam (MPQ-UA)	Sebagai platform untuk perkongsian kualiti akademik dan pengurusan, amalan baik dalam pengurusan kualiti dan mewakili Universiti Awam dalam mereka bentuk aktiviti berkaitan kualiti.	1/10/2024
18	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (tier 4) kali ke-5 Bil.1/2024	Mengadakan Pembentangan laporan penilaian risiko PTj (Tier 3) kepada Pengerusi Mesyuarat yang terdiri daripada ahli LPU.	13/9/2024
19	Mesyuarat bersama Pengarah Pusat Strategik IPTA	Penubuhan Majlis Perancangan Strategik Universiti Awam (SPC)	6/9/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
20	Mesyuarat Dapatan Tahap Kepuasan Pelanggan 2023	Perbincangan berkaitan komen responden terhadap penambahbaikan soalan kaji selidik tahap kepuasan pelanggan UniMAP.	23/8/2024
21	QS WUR 2026: Sesi perbincangan berhubung <i>academic & employer reputation</i> (AR & ER) bagi tujuan survei oleh QSIU	Sesi penerangan kepada PTj yang berkaitan berhubung <i>Academic & Employer Reputation</i> (AR & ER) bagi tujuan survei oleh qsiu	22/8/2024
22	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster (tier 3) kali ke-5 Bil.1/2024	Mengadakan Pembentangan laporan penilaian risiko PTj (Tier 3).	19/8/2024
23	Mesyuarat persediaan lawatan penilaian ETAC bagi program diploma kejuruteraan	Membincangkan status persediaan program dan isu-isu semasa sebagai persediaan sebelum lawatan sebenar penilaian akreditasi ETAC.	15/8/2024
24	Perbincangan data pelaporan inisiatif dasar TVET negara 2030 oleh institusi tvet Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Mengadakan sesi perbincangan penyelarasan data pelaporan Inisiatif dasar TVET negara 2023	9/8/2024
25	Mesyuarat Majlis Pengurusan Kualiti Universiti Awam (MPQ-UA)	Sebagai platform untuk perkongsian kualiti akademik dan pengurusan, amalan baik dalam pengurusan kualiti dan mewakili Universiti Awam dalam mereka bentuk aktiviti berkaitan kualiti	23/7/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
26	Sesi pembentangan oleh pemilik data bagi <i>The Impact Ranking</i> (TIR) 2025 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Membentangkan bukti-bukti bagi pelaporan <i>THE Impact Ranking</i> yang berkaitan dengan pusat tanggungjawab masing-masing oleh pemilik data di PTj.	16/7/2024
27	Sesi perbincangan dan semakan data MyMoheS Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi modul pelajar, staf, r&d&c dan maklumat institusi	Meneliti dan menyemak data MyMoheS sebelum mendapat pengesahan Naib Canselor dan seterusnya dihantar kepada pihak KPT melalui sistem pengkalan data MyMoheS.	16/7/2024
28	Sesi perbincangan hasil dari dapatan audit pemantauan kedua MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM	Sesi perkongsian cadangan penambahbaikan secara verbal yang dikongsi oleh Juruaudit SIRIM.	15/7/2024
29	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025 kali ke-16 Bil.3/2024	Membentangkan Laporan pencapaian UniMAP 2025 & pemantauan Dashboard (Suku kedua (Q2) - 2024).	12/7/2024
30	Sesi taklimat <i>The Impact Ranking</i> (TIR) 2025 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Penerangan berkenaan <i>THE Impact Rankings</i> dan cara-cara penyediaan maklumat yang berkaitan dengan projek kelestarian di jabatan di UniMAP.	25/6/2024
31	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Penarafan dan Pemingkatan Global Universiti (UGRC) kali ke-2 Bil.1/2024	Membentangkan pelaporan bagi <i>THE World University Rankings</i> 2024, QS <i>World University Rankings</i> 2025 & <i>THE Impact Rankings</i> 2024.	14/6/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
32	Taklimat awal audit pemantauan MS ISO 9001: 2015 oleh SIRIM QAS. INTL. Sdn. Bhd	Menerangkan keperluan yang perlu disediakan semasa audit oleh Pusat Tanggungjawab yang terlibat.	6/6/2024
33	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP 2023) Bil.1/2024	Pembentangan laporan status pelaksanaan SPK di UniMAP.	31/5/2024
34	Sesi taklimat persiapan kursus bagi modul latihan & kompetensi MARISK 2024	Mengadakan perbincangan bersama ahli jawatankuasa dari Universiti Awam yang lain bagi modul latihan & kompetensi MARISK 2024.	29/5/2024
35	Sesi taklimat bersama pemilik data MyMohes (UniMAP) 2024	Mengadakan sesi perbincangan bersama pemilik data MyMoheS berhubung pemberian data yang tepat.	23/5/2024
36	Mesyuarat Majlis Pengurusan Kualiti - Universiti Awam (MPQ-UA)	Mengadakan sesi perkongsian amalan terbaik aktiviti kualiti akademik dan antarabangsa serta aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).	9/5/2024
37	Mesyuarat Penyelarasan <i>Outcome Based Budgeting</i> (OBB) dan Taklimat Sistem MyResults Bagi Persediaan Permohonan Belanjawan Tahun 2025 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Penetapan deraf KPI <i>Outcome Based Budgeting</i> (OBB) KPT bagi tahun 2025 dan kamus KPI Spesifik Prestasi OBB Tahun 2025.	29/4/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
38	Mesyuarat penyelarasan <i>Outcome Based Budgeting</i> (OBB) dan taklimat sistem MyResults bagi persediaan permohonan belanjawan tahun 2025 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Mengemukakan deraf KPI <i>Outcome Based Budgeting</i> (OBB) KPT bagi tahun 2025 dan kamus KPI Spesifik Prestasi OBB Tahun 2025	29/4/2024
39	Mesyuarat Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator - KPI</i>) Universiti Awam Bagi Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024	Membentangkan dan menetapkan Petunjuk Prestasi Utama <i>Key Performance Indicator - KPI</i> Universiti Awam Bagi Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024	24/4/2024
40	Mesyuarat Penyelarasan Konvensyen Pengurusan Risiko UA 2024	Perbincangan berkaitan Konvensyen Marisk 2024.	23/4/2024
41	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko (Tier 2) kali ke-5 Bil.1/2024	Sesi perbentangan daftar risiko baharu bagi tahun 2024 oleh PIC pengurusan risiko di setiap jabatan.	19/4/2024
42	Mesyuarat Status Persediaan Lawatan Penilaian Akreditasi Program BTECH 2024	Membincangkan persediaan akhir bagi menghadapi lawatan sebenar penilaian akreditasi penuh TTAC pada 23 & 24 April 2024.	19/4/2024
43	Mesyuarat Persediaan Majlis Pengurusan Kualiti - Universiti Awam (MPQ-UA) bersama sekretariat Universiti Malaysia Sabah	Persediaan awal bagi pelaksanaan mesyuarat MPQ dimana, UniMAP dilantik sebagai tuan rumah.	17/4/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
44	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025 kali ke-15 Bil.2/2024	Membentangkan Laporan pencapaian UniMAP 2025 & pemantauan Dashboard (Suku pertama (Q1) - 2024).	5/4/2024
45	Diskusi penilaian pematuhan program sarjana muda FPK	Perbincangan keperluan mengadakan proses penilaian pematuhan akreditasi penuh bagi program Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK).	21/3/2024
46	Diskusi penyediaan laporan pelanjutan 2024 - dua (2) program kejuruteraan	Perbincangan dokumentasi dan perancangan laporan pelanjutan program.	18/3/2024
47	Mesyuarat Penyelarasan Lawatan Penilaian Akreditasi TTAC (MBOT) empat (4) program teknologi	Membincangkan status persediaan program dan isu-isu semasa sebagai persediaan sebelum lawatan sebenar penilaian akreditasi TTAC.	15/3/2024
48	Mesyuarat Jawatankuasa Analisis Tahap Kepuasan Pelanggan	Perbincangan analisis data dapatan daripada kajian tahap kepuasan pelanggan UniMAP tahun 2023.	13/3/2024
49	Diskusi penyediaan laporan interim sepuluh (10) program teknologi kejuruteraan	Perbincangan penyediaan dokumentasi dan perancangan laporan interim program.	4/3/2024
50	Sesi taklimat bersama Ketua PTj dan pegawai yang dilantik berhubung pengurusan risiko universiti (UniMAP)	Sesi penerangan kepada Ketua PTj dan pegawai berhubung pengurusan risiko universiti (UniMAP).	26/2/2024

AKTIVITI MESYUARAT

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
51	Mesyuarat Khas Majlis Pengurusan risiko Universiti Awam (MARISK) Bil. 1/2024	Membincangkan objektif penubuhan Majlis Pengurusan Risiko Universiti Awam (Marisk).	21/2/2024
52	Mesyuarat Jawatankuasa Penarafan dan Pemeringkatan Global Universiti (UGRC) UniMAP kali ke 12 Bil.1/2024 (QS WUR 2025)	Membuat pengesahan data QS WUR 2025 bersama ahli jawatankuasa mesyuarat untuk dihantar ke portal QS WUR.	26/1/2024
53	Perbincangan hasil <i>Reliability Test</i> Indeks Kesejahteraan Mahasiswa	Perbincangan bersama Jawatankuasa Analisis berkaitan keputusan <i>Reliability Test</i> .	25/1/2024
54	Mesyuarat Perancangan Lawatan Akreditasi Kitaran Baharu 2025 - sebelas (11) program kejuruteraan	Pemakluman awal dan perbincangan persediaan bagi menghadapi lawatan penilaian akreditasi kitaran baharu pada tahun 2025.	16/1/2024
55	Uji lari (pilot test) Indeks Kesejahteraan Mahasiswa baharu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Mengetahui keberkesanan instrumen baharu untuk penambahbaikan	12/1/2024
56	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025 kali ke-14 Bil.1/2024	Membentangkan laporan pencapaian KPI UniMAP 2025 bagi suku keempat (Q4) tahun 2023 (data Oktober sehingga Disember 2023).	9/1/2024

BENGGKEL / KURSUS

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
1	Bengkel formula pendanaan baharu ((<i>new funding formula</i> (NFF) fasa iii - pendanaan berasaskan input dan prestasi Universiti Awam (UA) tahun 2024	Pengenalan Formula Pendanaan Baharu Universiti Awam, Pengiraan <i>Cost Per Student</i> (CPS) dan Cadangan Penetapan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI)	18 & 19/12/2024
2	Bengkel Pembangunan Indeks Kompetensi Nasional (NCI)	Merangka dan memperkukuhkan indeks kompetensi nasional bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan vokasional negara.	21/11/2024
3	Pra bengkel pelan strategik UniMAP 2026-2030	Sesi ' <i>round table</i> ' bagi mengenalpasti kelemahan serta cadangan penambahbaikan Kerangka Pelan Strategik	18/11/2024
4	MQA <i>International Conference</i> 2024	Persidangan membincangkan isu-isu dan peranan institusi, industri, penggubal dasar serta pelajar dalam meramal keperluan bakat dan kemahiran yang terkini serta masa hadapan.	11-13/11/2024
5	Seminar Perancangan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2025 (SPHT KPT 2025)	Melaporkan Prestasi Pencapaian KPT bagi tahun 2024	6 - 8/11/2024
6	Program Kepimpinan Institusi Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) Tahun 2024: Perancangan Strategik	Mendedahkan peserta untuk membuat perancangan strategik dalam usaha mencapai visi dan matlamat universiti dan seterusnya akan memberi manfaat kepada negara.	5 - 7/11/2024

BENGGKEL / KURSUS

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
7	Sesi Diskusi Amalan Terbaik Dalam Menjana Pendapatan Universiti Bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi	Berkongsi perspektif dan perkongsian pengalaman dalam memperkukuhkan kelestarian kewangan UA, sambil memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran terus terpelihara.	24/10/2024
8	Bengkel Bersepadu MTUN	Garis Panduan Berkaitan Penambahan Bilangan MTUN	13 & 14/10/2024
9	Kursus Ketua Juruaudit Bertauliah ISO 9001: 2015	Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kualiti penyampaian serta pementapan pengurusan kualiti organisasi berdasarkan skop pensijilan SPK yang ditetapkan.	23-27/9/2024
10	Forum Ilmuan Malaysia Madani Siri 1	Satu bentuk <i>intellectual discourse</i> yang menjadi platform bagi para ilmuan dan tokoh dari segenap latar belakang masyarakat untuk berbincang mengenai isu, cabaran dan tindakan dalam menangani permasalahan masyarakat semasa.	25/9/2024
11	Sidang Kemuncak Risiko Institusi Pendidikan Tinggi 2024 (SKRIPT 24)	Sesi pembentangan berhubung topik-topik yang berkaitan dengan pengurusan risiko di IPT.	23 - 24/9/2024

BENGGKEL / KURSUS

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
12	Bengkel persediaan bagi lawatan penilaian akreditasi bersama dengan <i>Sydney Accord (SA) and Dublin Accord (DA) Reviewers</i> - siri ke-2	Memantapkan persediaan akhir dan memastikan kelancaran perjalanan lawatan penilaian yang disertai oleh <i>Dublin Accord (DA) Reviewers</i>	11/9/2024
13	Program Penilaian Kompetensi Kepimpinan Pendidikan Tinggi, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Kementerian Pendidikan Tinggi	Program yang menumpukan kepada calon-calon bakat yang berpotensi tinggi di institusi pendidikan tinggi (IPT) negara. Program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kelompok Bakat Utama Nasional (<i>National Top Talent Pool</i> , NTI Pool. Kelompok ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu kelompok kepimpinan pendidikan yang tersedia yang boleh dirujuk oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tujuan pelantikan jawatan strategik IPT dan untuk pelan penggantian IPT.	16/8/2024
14	Bengkel persediaan bagi lawatan penilaian akreditasi bersama dengan ' <i>Sydney Accord (SA) and Dublin Accord (DA) Reviewers</i> ' - siri ke-1	Memberi pendedahan awal berkaitan tatacara dan pengelolaan lawatan penilaian yang disertai oleh <i>Dublin Accord (DA) Reviewers</i>	4/6/2024
15	Bengkel Latihan Juruaudit Dalam MyRA®	Memastikan semua pemegang taruh khususnya juruaudit dalam daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang berdaftar dengan sistem e-MyRA® mendapat pendedahan tentang kaedah dan tatacara sebenar pengauditan di IPT.	15/5/2024

BENGGKEL / KURSUS

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
16	Program Libat Urus Jawatankuasa Pelaksana Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024	Memberi input hasil kajian berkaitan perkembangan kebolehpasaran graduan dan pembangunan sumber manusia negara oleh Khazanah Research Institute (KRI)	13/5/2024
17	Jemputan sebagai penceramah kursus induksi umum dan khusus bagi pengesahan perkhidmatan staf Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)	Berkongsi pengetahuan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti di institusi pendidikan.	12/3/2024
18	Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2015	Memperkenalkan dan menerangkan keperluan baru MS ISO 9001:2015 kepada peserta.	20 & 21/2/2024
19	Bengkel Pelan Strategik UniMAP 2025 Tahun 2024 di Hotel Mercure, Pulau Pinang	Memperkasa serta menetapkan semula <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) setiap Teras UniMAP 2025 dengan mengambil kira Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024.	2 - 4/2/2024
20	Bengkel Pemantapan Hala Tuju MTUN TVET Termaju 2023 di WTC, KL	Memurnikan cadangan-cadangan di bawah Kertas Kerja Hala Tuju MTUN TVET Termaju 2030	1 & 2/2/2024

BENGGKEL / KURSUS

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
21	<i>Workshop On Preparing 'Gap Analysis' & Sar Based On EAC/ETAC Standard 2024</i>	Memantapkan pemahaman wakil program dalam penyediaan dokumen Gap Analysis dan <i>Self Review Report</i> (SAR) berdasarkan piawaian terbaharu EAC/ETAC versi tahun 2024.	30/1/2024
22	Program Pengukuhan Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 di AKEPT	Memperincikan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan susulan Landasan Hala Tuju KPT Tahun 2024	28 & 29/1/2024
23	"Pra Bengkel Pelan Strategik UniMAP 2025" tahun 2024	Perlaksanaan Pra Bengkel ini bertujuan untuk kemas kini KPI yang baharu bagi tahun 2024.	16/1/2024
24	Program Pelaksanaan Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024	Menyelaras semula strategi KPT bagi tahun 2024	5 & 6/1/2024

AUDIT DALAM / LUAR

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
1	Pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Bil.1 2024	Menentukan keberkesanan pelaksanaan dan penyelenggaraan SPK dalam memenuhi Polisi dan Objektif Kualiti UniMAP.	18/11 - 29/11 2024. (Fasa 1 di PTJ) 1/12 - 15/12 2024. (Fasa 2 di Fakulti)
2	Lawatan penilaian akreditasi penuh - program diploma kejuruteraan	Lawatan penilaian oleh Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) bagi akreditasi penuh LIMA (5) program diploma kejuruteraan.	24 & 25/10 2024
3	Audit Dalaman Akreditasi bagi 11 Program Sarjana Muda Kejuruteraan	Perlaksanaan audit dalaman akreditasi sebagai persediaan untuk menghadapi lawatan penilaian akreditasi sebenar.	Sep - Okt 2024
4	Audit Dalaman Akreditasi bagi 5 Program Diploma Kejuruteraan	Perlaksanaan audit dalaman akreditasi sebagai persediaan untuk menghadapi lawatan penilaian akreditasi sebenar.	Sep 2024
5	Audit Pemantauan Kedua MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd	Membantu UniMAP dalam melaksanakan proses penambahbaikan berterusan untuk peningkatan kualiti penyampaian serta pemantapan sistem pengurusan kualiti berdasarkan skop pensijilan SPK.	26 - 28/6/2024
6	Lawatan penilaian akreditasi (<i>closure for concern</i>) secara fizikal	Lawatan penilaian oleh Ketua Panel EAC bagi semakan semula status tindakan pembedahan terhadap pelaporan terdahulu.	7/6/2024
7	Lawatan penilaian akreditasi penuh - program teknologi	Lawatan penilaian oleh TTAC bagi akreditasi penuh EMPAT (4) program diploma kejuruteraan.	23 & 24/4/2024

LAWATAN PENANDA ARAS

No	Aktiviti	Objektif	Tarikh
1	Lawatan delegasi daripada pengurusan jaminan kualiti Kolej Vokasional Zon Tengah ke Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti UniMAP (SQM)	Perkongsian pelaksanaan pengurusan kualiti di UniMAP kepada KV Zon Utara	28/10/2024
2	Lawatan penanda aras sistem pemantauan pelan strategik dan pengurusan data Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Untuk memperoleh input berkaitan sistem <i>Electronic performance Indicator Channel</i> (ePIC) yang telah dibangunkan di UniMAP.	17/7/2024
3	Lawatan penanda aras KUIPs ke Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)	Sesi berkongsi maklumat dan pandangan bagi bahagian pengurusan strategi & risiko di UniMAP dan KUIPs.	20/6/2024
4	Lawatan penanda aras (bahagian strategi & kualiti) ke Universiti Teknologi Petronas (UTP)	Perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara UniMAP dan UTP berkenaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan pengurusan akreditasi.	22/2/2024
5	Lawatan penanda aras daripada Kolej Matrikulasi Kedah (KMK)	Perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara UniMAP dan KMK berkenaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) terutamanya pengurusan risiko SPK.	7/2/2024

Mesyuarat Berimpak



MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP 2023) BIL.1/2024



Tarikh

31 Mei 2024 (Jumaat)

Objektif

- Pembentangan laporan status pelaksanaan SPK di UniMAP.
- Cadangan penambahbaikan dapat diusulkan bagi membantu PTJ mengambil tindakan untuk mencapai objektif kualiti.

Hasil

Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah persediaan UniMAP menghadapi audit pemantauan oleh SIRIM QAS.

MESYUARAT MAJLIS PENGURUSAN KUALITI - UNIVERSITI AWAM (MPQ-UA)

Tarikh

9 Mei 2024 (Khamis)

Objektif

Mencari penyelesaian dan formula terkini bagi mengatasi isu-isu berbangkit berkaitan kualiti dan pengurusan akademik di peringkat Universiti Awam untuk diketengahkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT).

Hasil

Perkongsian amalan terbaik pengurusan kualiti akademik antara semua universiti awam



Mesyuarat Berimpak

MESYUARAT JAWATANKUASA PENARAFAN DAN PEMERINGKATAN GLOBAL UNIVERSITI (UGRC) KALI KE-14 BIL.3/2024 (THE IMPACT RANKINGS DAN QS ACADEMIC & EMPLOYER REPUTATION)

Tarikh

25 Oktober 2024 (Jumaat)

Objektif

Membentangkan dan membuat pengesahan data THE Impact Rankings 2025 dan data QS Academic & Employer Reputation 2025.

Hasil

Pengarah Kanan SQM membentangkan data-data yang telah dihantar oleh pemilik data mengikut indikator yang telah ditetapkan dan pengesahan data dibuat oleh semua yang hadir pada mesyuarat tersebut.

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU UniMAP 2025 KALI KE-17 BIL.4/2024

Tarikh

7 Oktober 2024 (Isnin)

Objektif

Membentangkan Laporan pencapaian UniMAP 2025 & pemantauan Dashboard (Suku ketiga (Q3) - 2024).

Hasil

Ketua Teras bagi setiap teras membuat pembentangan pencapaian teras masing-masing melalui sistem ePIC.

Mesyuarat Berimpak



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI (Tier 4) KALI KE-5 BIL.1/2024



Tarikh

13 September 2024 (Jumaat)

Objektif

Mengadakan Pembentangan laporan penilaian risiko PTj (Tier 3) kepada Pengerusi Mesyuarat yang terdiri daripada ahli LPU.

Hasil

Ahli LPU mempengerusikan mesyuarat dan Pengarah Kanan SQM membentangkan laporan penilaian risiko PTj yang diangkat dari peringkat Tier 3 ke peringkat Tier 4.

MESYUARAT PERSEDIAAN LAWATAN PENILAIAN ETAC BAGI PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN

Tarikh

15 Ogos 2024 (Khamis)

Objektif

Setiap aspek persediaan melibatkan pengelolaan di peringkat Fakulti dan UniMAP diperhalusi untuk memastikan proses lawatan berjalan lancar. Lawatan yang bakal dijalankan akan turut dihadiri oleh DUA(2) wakil International Engineering Alliance (IEA) Reviewer.

Hasil

Persediaan awal dapat ditentukan dan dilaksanakan lebih awal mengikut keperluan ETAC bagi memudahkan proses audit akreditasi.



Kursus Berimpak

KURSUS KETUA JURUAUDIT BERTAULIAH ISO 9001: 2015

Tarikh

23 Oktober 2024 (Rabu)

Objektif

Meningkatkan kemahiran dan kaedah pengauditan pengurusan kualiti universiti yang efisien agar Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di UniMAP ditambahbaik secara berterusan dari masa ke semasa dan memantapkan lagi aktiviti audit dalam SPK UniMAP

Hasil

Meningkatkan bilangan staf UniMAP yang memperolehi pentauliah daripada agensi luar di mana selari dengan hasrat YBhg Dato' Naib Canselor dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) 2023 Bil. 1/2024 pada 31 Mei 2024.

WORKSHOP ON PREPARING 'GAP ANALYSIS' & SAR BASED ON EAC/ETAC STANDARD 2024

Tarikh

30 Januari 2024 (Selasa)

Objektif

memberi pendedahan dan pemahaman berkaitan penyediaan dokumen Gap Analysis dan Self Review Report (SAR) mengikut piawaian terbaharu EAC/ETAC versi tahun 2024

Hasil

Penganjuran bengkel ini adalah sebagai persediaan awal bagi memastikan proses akreditasi program yang dirancang pada tahun 2024 dan seterusnya mengambilkira kriteria-kriteria piawaian yang terkini.

Kursus Berimpak



PRA BENGKEL PELAN STRATEGIK UniMAP 2026-2030

Tarikh

18 November 2024 (Isnin)

Objektif

- Sesi 'round table' bagi mengenalpasti kelemahan serta cadangan penambahbaikan Kerangka Pelan Strategik
- Persediaan bagi Pelaksanaan 'Bengkel Pelan Strategik UniMAP 2026-2030'

Hasil

Semua peserta bengkel membincangkan perkara yang berkaitan dan Ketua membuat pembentangan berhubung cadangan penambahbaikan kerangka pelan strategic bagi setiap teras dalam UniMAP 2025.

BENGKEL PELAN STRATEGIK UNIMAP 2025" TAHUN 2024

Tarikh

2 hingga 4 Februari 2024 (Jumaat, Sabtu & Ahad)

Objektif

Pelaksanaan bengkel ini bertujuan untuk memperkasa serta menetapkan semula Key performance indicator (KPI) setiap Teras UniMAP 2025 dengan mengambil kira segala polisi baharu kerajaan dan KPT.

Hasil

Setiap teras telah berjaya memperkasa serta membuat penetapan semula Key performance indicator (KPI) bagi teras masing-masing.



Audit Berimpak

PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) BIL.1 2024



Tarikh

18 November – 29 November 2024. (Fasa 1 di PTj)
1 Disember – 15 Disember 2024. (Fasa 2 di Fakulti)

Objektif

Menentukan keberkesanan pelaksanaan dan penyelenggaraan SPK dalam memenuhi piawaian ISO 9001:2015 yang melibatkan 68 orang juruaudit dalaman SPK untuk mengaudit 6 Fakulti, 2 Institut dan 14 PTj.

Hasil

Persediaan UniMAP untuk menghadapi Audit Pemantauan ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS

AUDIT PEMANTAUAN KEDUA MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM QAS SDN. BHD

Tarikh

26 - 28 Jun 2024 (Rabu - Jumaat)

Objektif

Membantu UniMAP dalam melaksanakan proses penambahbaikan berterusan untuk peningkatan kualiti penyampaian serta pemantapan sistem pengurusan kualiti berdasarkan skop pensijilan SPK.

Hasil

UniMAP dapat mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 tanpa laporan penemuan ketidakpatuhan (NCR) dan mempunyai 2 laporan penambahbaikan (OFI)



Audit Berimpak

LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH - PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN



Tarikh

24 Oktober 2024 (Khamis)

Objektif

LIMA (5) program diploma kejuruteraan di UniMAP yang terlibat adalah seperti Diploma Kejuruteraan Elektronik, Diploma Kejuruteraan Komputer, Diploma kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekatronik dan Diploma Kejuruteraan Pembuatan

Hasil

Pengiktirafan ini melayakkan graduan didaftarkan sebagai Inspector of Works dan selanjutnya membolehkan memberi perkhidmatan penyeliaan kerja kejuruteraan secara sah di Malaysia

LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH - PROGRAM TEKNOLOGI

Tarikh

23 & 24 April 2024 (Selasa & Rabu)

Objektif

TTAC berperanan untuk menilai memastikan pembangunan dan penyampaian program akademik oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) memenuhi keperluan pihak berkepentingan khususnya industri berkenaan dengan bekalan tenaga kerja

Hasil

EMPAT (4) program sarjana muda teknologi UniMAP telah menjalani lawatan penilaian akreditasi dan diperakukan akreditasi penuh oleh pihak TTAC selama ENAM (6) tahun bermula 2024.



Lawatan Berimpak

LAWATAN PENANDA ARAS (BAHAGIAN STRATEGI & KUALITI) KE UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)

Tarikh

22 Februari 2024 (Khamis)

Objektif

Perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara UniMAP dan UTP berkenaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan pengurusan akreditasi.

Hasil

Input bagi amalan terbaik untuk pengurusan kualiti di UTP akan dipraktikkan di UniMAP



LAWATAN PENANDA ARAS DARIPADA KOLEJ MATRIKULASI KEDAH

Tarikh

7 Februari 2024 (Rabu)

Objektif

Perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara UniMAP dan KMK berkenaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) terutamanya pengurusan risiko SPK.

Hasil

Lawatan ini telah memberikan idea untuk mengadakan audit silang antara UniMAP dan KMK untuk perkongsian amalan terbaik SPK.



Lawatan Berimpak



LAWATAN PENANDA ARAS UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) SISTEM PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK DAN PENGURUSAN DATA UNIVERSITI



Tarikh

217 Julai 2024 (Rabu)

Objektif

Untuk memperoleh input berkaitan sistem *Electronic performance Indicator Channel* (ePIC) yang telah dibangunkan di UniMAP.

Hasil

Pihak UPNM memperoleh input yang amat berguna berkaitan sistem *Electronic performance Indicator Channel* (ePIC) yang telah dibangunkan di UniMAP.

LAWATAN PENANDA ARAS KUIPs KE PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI (SQM)

Tarikh

20 Jun 2024 (Khamis)

Objektif

Sesi berkongsi maklumat dan pandangan bagi bahagian pengurusan strategi & risiko di UniMAP dan KUIPs.

Hasil

Melalui sesi perkongsian ini, kedua-dua pihak mendapat input dan maklumat berhubung fungsi bahagian pengurusan strategi & risiko di KUIPs dan UniMAP.




LAPORAN KEWANGAN




Peruntukan Kewangan SQM 2024



Perincian Peruntukan Mengurus SQM




Keseluruhan Peruntukan Mengurus SQM



Penjanaaan Kewangan SQM 2024



Perincian Penjanaaan SQM Projek 2024



Jumlah terkumpul tabung penjanaaan SQM tahun 2024

RM 3,225.08

2024

Terima Kasih



**PUSAT PENGURUSAN
STRATEGI & KUALITI
(SQM)**



PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI (SQM)



<https://sqm.unimap.edu.my>



04-941 4131



sqm@unimap.edu.my



<https://www.facebook.com/SQMUniMAP/>



[Universiti Malaysia Perlis](#)